

13 SEP 1999

APEC-ABAC

PEMIMPIN-PEMIMPIN PERNIAGAAN, EKONOMI PERAKUI PEMBINAAN KEUPAYAAN,
PERKONGSIAN

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perbincangan tahunan antara para wakil perniagaan kanan dan pemimpin-pemimpin ekonomi mereka di Auckland yang menghasilkan seruan diadakan liberalisasi perdagangan yang lebih besar sambil mengiktiraf keperluan bagi lebih kerja ke atas pembinaan keupayaan.

Majlis Penasihat Perdagangan Apec (ABAC) berkata di dalam satu kenyataan di sini bahawa anggota-anggotanya menggesa diadakan komitmen sebenar daripada semua ekonomi bagi mempercepatkan liberalisasi perdagangan sambil meneruskan usaha-usaha ke arah pembinaan keupayaan lebih kukuh di Lingkaran Asia Pasifik.

Katanya sebutan khusus telah dibuat ke atas Perkongsian bagi Pertumbuhan Saksama (PEG), sebuah pertubuhan bukan mencari untung Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang telah ditubuhkan untuk mengusahakan kerjasama sektor awam-swasta dalam inisiatif kerjasama ekonomi dan teknikal.

ABAC berkata para pemimpin ekonomi itu memberikan sebutan khas kepada PEG yang mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung pengasasnya.

Tumpuan perkongsian ini adalah untuk mengujudkan satu siri perkongsian bijak di rantau Apec mengenai projek-projek ekonomi-teknikal yang akan membina keupayaan menghadapi liberalisasi perdagangan dan pelaburan yang lebih besar.

Ketua pegawai eksekutif PEG Dr Shafiq Sit Abdullah berkata di dalam kenyataan itu, "Kami mengharapkan para pemimpin ekonomi menjawab seruan kawasan mereka masing-masing, yang mana banyak daripadanya telah menderita akibat krisis kewangan baru-baru ini.

"Adalah penting bahawa usaha-usaha dilipat gandakan ke atas bidang ekonomi-teknikal bagi memastikan bahawa ekonomi-ekonomi lebih kecil di dalam Apec tidak perlu melalui satu lagi pusingan jangkitan."

Menekankan pentingnya tindakan-tindakan seumpama itu, katanya, usaha-usaha tulen mestilah dilakukan untuk membina keupayaan yang perlu di bidang-bidang kewangan, perbankan, teknologi maklumat dan syarikat-syarikat kecil dan sederhana, untuk menyebut beberapa nama.

-- BERNAMA

MFJ KTC OS